



PASUKAN yang sudah mendaftar kini gígh berlatih.

USIM bersemangat beri saingan hebat

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) akan tampil memberi saingan pada Kejohanan *Kosmo!* Varsity Futsal 2008 yang akan membuka tirainya di zon tengah pada 19 Julai ini.

Dalam usaha merebut gelaran pada kejohanan tahunan khusus untuk pelajar universiti itu, USIM akan menghantar empat pasukan untuk menggalas cabaran mereka pada saingan yang akan berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Empat pasukan tersebut akan mewakili USIM bagi kategori lelaki bawah 23 tahun dan wanita terbuka sekali gus menjanjikan aksi hebat pada temasya tersebut.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary (**gambar**), pihaknya yakin bahawa pasukan yang bakal diturunkan pada kejohanan itu nanti mampu memberikan saingan sengit kepada pasukan-pasukan lain.

"USIM akan menurunkan empat pasukan untuk kejohanan tersebut dan kami telah menjalankan sesi latihan sejak minggu lepas lagi bagi meridapatkan semula aura perlawanan."

"Ini kerana, kami baru sahaja tamat menyertai kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di Sabah dan prestasi yang ditunjukkan pemain serta pengalaman yang mereka ada memang amat membanggakan," kata Nur Ekmal kepada



Kosmo! semalam.

Nur Ekmal berkata, mereka turut menjalani sesi pemilihan bagi mengenal pasti bakat-bakat baru untuk mewakili USIM bagi kejohanan di zon berikutnya.

"Bagi empat pasukan yang telah dipilih, mereka akan bersaing bagi peringkat zon tengah manakala sesi pemilihan hari ini (semalam) adalah untuk pencarian bakat baru untuk menggalas cabaran pada saingan di zon berikutnya."

"Mungkin bakat-bakat baru ini akan dijadikan satu pasukan dan akan bertanding di peringkat zon lain atau untuk kejohanan tahunan hadapan," ujar Nur Ekmal.

Tambah Nur Ekmal, dari segi prestasi, tiada apa yang perlu dirisaukan kerana rata-rata dari pemain yang bakal bersaing terdiri daripada mereka-mereka yang berpengalaman.

"Pemain-pemain USIM semuanya terdiri daripada pemain yang berpengalaman. Apa yang saya maksudkan ialah, mereka ini telah me-

nyertai pelbagai kejohanan anjuran USIM, Masum dan pihak luar.

"Lebih memberangsangkan, pada kejohanan Masum yang lalu pasukan lelaki berjaya mara ke peringkat suku akhir manakala bagi pasukan wanita, mereka berjaya menduduki tempat keempat di peringkat zon selatan bagi kejohanan Varsity tahun lalu," tambah Nur Ekmal bersemangat.

Ditanya sama ada keempat-empat pasukan yang bakal bersaing sudah bersiap sedia, Nur Ekmal menjawab: "Sudah tentu kami bersedia malah kami akan cuba sedaya upaya membuat kejutan kali ini."

Selepas Zon Tengah, saingan seterusnya akan diadakan bagi peringkat Zon Utara yang akan berlangsung di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang pada 2 hingga 3 Ogos.

Bagi Zon Timur, ia akan diadakan di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Kelantan pada 25 hingga 26 Julai. Manakala Zon Selatan pula akan berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor pada 8 hingga 9 Ogos.

Acara kemuncak akan berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (Uniten), Selangor pada 16 hingga 17 Ogos.

Juara bagi setiap zon bagi kategori Lelaki Bawah 23 akan membawa pulang RM3,000, manakala Lelaki Terbuka (RM1,500), Wanita Terbuka (RM1,500) dan Lelaki Bawah 19 (RM1,500).

Bagi mereka yang berminat untuk menyertai kejohanan futsal ini, penyertaan masih dibuka sehingga 18 Julai dan untuk keterangan lanjut ada boleh menghubungi aliam hotline 0320-50986 atau layari laman web www.kosmo.com.my

